

07/09/2003

Naza Ria ... penuhi impian keluarga rakyat Malaysia

Zainuddin Ayip

JIKA ada yang bertanya kenderaan pelbagai guna (MPV) yang paling besar, selesa, bergaya dan berharga lebih murah, jawapannya ialah Naza Ria yang baru saja dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pandangan awal yang boleh dikongsi bersama jika anda berkesempatan melihat apa lagi memandu uji Naza Ria, ialah kenderaan yang diasaskan daripada Kia Carnival itu memang menawan dan anggun apa lagi didatangkan dengan lima warna metalik yang menarik iaitu Celtic, Luxury, Chrome Silver, Metalalic Black dan Sapphire.

Berdasarkan pendapat umum yang dihantar ke laman web www.nazamotor.com.my mendapati 52.48 peratus memilih mahu membeli kenderaan itu kerana harga yang menarik dan murah, manakala MPV yang praktik (20.32 peratus), kecantikan reka bentuk (14.14 peratus) dan keluaran Malaysia (12.35 peratus).

Namun, jika Kia Carnival berharga RM140,000 kemudian dinaikkan kepada RM160,000 sebelum diturunkan kepada RM128,000 baru-baru ini, maka Naza Ria jauh lebih murah iaitu RM98,888 harga atas jalan bagi pendaftaran persendirian.

Model berkuasa 2.5 liter dan dipadankan dengan enjin V6 itu menawarkan ruang dalaman yang cukup luas dan selesa, membuatkan sesuatu perjalanan yang jauh tidak membosankan apatah lagi pada setiap penjuru MPV itu dilengkapi pendingin hawa yang turut boleh dilaras mengikut keperluan.

Ciri yang ditawarkan pada model itu membuktikan kepekaan Naza Kia memenuhi cita rasa orang ramai yang memiliki keluarga besar selain mahukan harga yang lebih murah iaitu di bawah RM100,000.

Naza Ria mampu membawa sehingga tujuh penumpang dan cukup selesa untuk perjalanan jauh dan membeli-belah. Malah kenderaan itu juga boleh dikategorikan sebagai kenderaan korporat.

Memiliki asas roda 2,905 mm dengan panjang ruang dalaman 2,610 mm dan ketinggian 1,235 mm, sudah cukup menggambarkan ciri sebenar yang ditawarkan pada model yang didatangkan secara siap bina (CBU) untuk tempahan awal, sebelum dipasang di negara ini.

Corak pemanduan turut diutamakan khususnya bahagian pemandu menerusi pengenalan kerusi elektronik yang boleh dilaras lapan cara mengikut kesesuaian selain dipadankan dengan alas tangan pada setiap kerusi penumpang lain kecuali barisan kerusi ketiga.

Dengan kedudukan barisan kerusi 2-2-3, kerusi bahagian tengah pula boleh digerakkan 180 darjah, membolehkan penumpang mengalami keseronokan seakan berada dalam sebuah rumah.

Dalam pada itu jika dua kerusi di bahagian tengah tidak digunakan, penumpang boleh mengubah kerusi itu untuk menjadikannya sebagai meja kecil siap dengan tempat meletakkan gelas minuman.

Andainya memerlukan ruang barang yang lebih luas, kerusi barisan ketiga boleh dilipat manakala kerusi barisan kedua boleh dilaraskan sedikit ke hadapan. Dari segi prestasi kuasa pula, Naza Ria dilengkapi dengan transmisi automatik empat kelajuan itu menawarkan kuasa maksimum 175 ps pada 6,500 rpm dan tidak hairanlah meter kelajuan kereta itu mampu mencecah sehingga 160 kilometer sejam.

Walaupun, saiznya agak besar tetapi cukup mudah mengawal kenderaan itu selain setiap suis penting seperti kawalan tingkap berpusat mudah dicapai dan dikendalikan pemandu.

Aspek keselamatan tetap diutamakan. Dua beg udara keselamatan SRS dan besi penghadang sisi sekali gus mendapat pengiktirafan lima bintang dalam ujian pelanggaran Persekutuan Amerika Syarikat.

Aspek lain bagi kenderaan yang menggunakan kod NC03 ialah sistem brek

antikekunci (ABS), tali pinggang tiga kedudukan (ELR), lampu brek ketiga di bahagian atas tengah dan kunci pintu gelungsur untuk kanak-kanak.

Agak banyak boleh diperkatakan mengenai ciri dan keistimewaan yang dimiliki pada MPV yang dikategorikan sebagai mewah dan eksklusif tetapi didatangkan pada harga yang cukup berdaya saing. Apa yang pasti 'Belum Cuba Belum Tahu'

Aksesori yang ditawarkan ialah kerusi saduran kulit, panel pemuka kayu, ABS, sistem audio cakera padat (CD), radio kaset dan sunroof.

Rancangan pihak syarikat mengeluarkan kenderaan status MPV nasional bagi melengkapkan rangkaian kereta Proton dan Perodua itu, berikutan permintaan bagi kenderaan jenis itu yang semakin meningkat.

Mulai sekarang hingga 2005, jualan MPV serta Kenderaan Utiliti Sport (SUV) dijangka meningkat 20 hingga 30 peratus. Malah, berdasarkan tinjauan, 50 peratus daripada 500 orang yang ditemui menyatakan kesediaan mereka beralih kepada MPV jika harganya berpatutan.

Apa yang jelas, Naza Ria, sebagai MPV pertama nasional, mampu mengukir satu lagi kejayaan negara dalam dunia automotif dan kejuruteraan permotoran tempatan bagi bersaing dengan model luar negara yang sekelas dengannya.

Naza Ria yang dipasang oleh Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd (NAM) secara pemasangan kontrak di Pekan, Pahang sebelum kilangnya di Gurun Kedah siap sepenuhnya tidak lama lagi.

Ia menggunakan sepenuhnya komponen serta tenaga tempatan turut mengubah suai reka bentuknya berdasarkan kepada teknologi Korea.

Bagi merealisasikan MPV nasional itu, NAM dengan kepakaran sendiri turut menjalinkan kerjasama dengan firma penyelidikan dan kejuruteraan tempatan sambil dibantu KIA Motors Copration.

Pihaknya juga menetapkan supaya kualiti dan spesifikasi kenderaan keluaran tempatan itu bukan saja setanding tetapi melebihi ciri-ciri yang lazimnya terdapat pada kenderaan MPV lain dengan harga yang berpatutan.

Naza Ria dilengkapi dengan pelbagai aksesori untuk keselesaan dan keselamatan pengguna sekeluarga. "Dalam erti kata lain, MPV ini memenuhi aspirasi kami untuk menyediakan sebuah kenderaan yang sesuai kegunaannya bagi seisi keluarga," katanya.

Yang pasti, Perdana Menteri turut memuji SM Nasimuddin dengan mengatakan: "Kemajuan syarikat Naza Motors amat mengagumkan, membuktikan ada anak Melayu yang mampu bergelar pengeluar kenderaan walaupun hanya memulakan perniagaan dengan menjual kenderaan terpakai saja sebelum ini.

"Naza Motors berpotensi berkembang dan maju pada masa hadapan bagi menaikkan nama negara pada mata dunia," katanya.